

SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ'S)
BERKAITAN BANTUAN PELAJAR *ONE-OFF* PRE PRIHATIN RAKYAT TAHUN 2020
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

1) Berapakah nilai Bantuan Pelajar *One-Off* ini?

Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan *one-off* berjumlah **RM200**.

2) Siapakah yang layak menerima Bantuan *One-Off* ?

Pelajar-pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut layak menerima bantuan *One-Off* :

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat **Diploma dan Ijazah Sarjana Muda** di Politeknik dan Kolej Komuniti secara sepenuh masa serta masih berstatus aktif pada **31 Mac 2020**.

3) Bagaimanakah pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing?

Kesemua pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing melalui pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing.

4) Apakah yang harus dibuat oleh pelajar sekiranya pelajar berpendapat mereka memenuhi kriteria kelayakan untuk menerima Bantuan *One-Off*?

Pelajar perlu menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing untuk mengemaskini dokumen / maklumat-maklumat berikut :

- i. Salinan kad pengenalan;
- ii. Nombor Akaun Bank dan Nama Bank;
- iii. Salinan penyata/buku bank (muka surat yang mempunyai nombor akaun bank)/apa-apa dokumen pembuktian; dan
- iv. Nombor telefon bimbit / emel.

5) Bagaimanakah bantuan tersebut akan disalurkan kepada pelajar?

Bantuan akan disalurkan kepada pelajar yang layak melalui akaun bank pelajar (sekiranya memenuhi syarat dokumen di para 2) bermula penghujung April 2020. Semakan boleh dibuat dengan menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing.

6) Bagaimana sekiranya pelajar tidak mempunyai akaun bank?

Bantuan akan disalurkan ke akaun bank pelajar sahaja. Pelajar perlu membuka akaun bank sekiranya masih belum mempunyai akaun bank sendiri. Jika pihak bank tidak membenarkan pembukaan akaun baharu dalam tempoh PKP, pelajar boleh membuka akaun baharu selepas tamat tempoh PKP.

7) Adakah pelajar yang telah berhenti sebelum 31 Mac 2020 layak menerima bantuan ini?

Tidak. Hanya pelajar yang berstatus aktif pada 31 Mac 2020 sahaja yang layak menerima bantuan ini.

8) Adakah pelajar yang menangguhkan pengajian sebelum 31 Mac 2020 layak menerima bantuan ini?

Ya. Pelajar tersebut layak menerima bantuan ini.

9) Adakah pelajar yang sedang menjalani latihan industri dan *work-based learning* layak menerima bantuan ini?

Ya. Pelajar tersebut layak menerima bantuan ini.

10) Adakah pelajar yang telah tamat pengajian sebelum 31 Mac 2020 tetapi belum menghadiri majlis konvokesyen layak menerima bantuan ini?

Tidak. Ini kerana pelajar tidak lagi berstatus aktif di Politeknik dan Kolej Komuniti.

11) Bolehkah bantuan disalurkan melalui akaun ibu, ayah atau saudara mara?

Tidak. Pelajar **MESTI** mempunyai akaun bank sendiri.

12) Bolehkah pelajar membuka akaun di mana-mana bank?

Ya, pelajar boleh membuka akaun di mana-mana bank tempatan sama ada konvensional atau Islamik. Akaun Tabung Haji dan akaun Amanah Saham tidak diizinkan untuk penggunaan bantuan *one-off* ini.

13) Sekiranya terdapat kemusykilan berhubung bantuan ini, siapakah pegawai yang boleh dirujuk?

Pelajar boleh menghubungi Penasihat Akademik (PA) atau pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di Institusi masing-masing.

JPPKK KPT

DIKEMASKINI PADA 14 APRIL 2020